

14/07/1998

Agama, sains tidak boleh dipisah: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, agama dan sains tidak boleh diasingkan, sebaliknya perlu dikembangkan serentak bagi mengembalikan kegemilangan umat Islam dalam bidang sains.

Perdana Menteri berkata, sains sebenarnya berasal daripada intelektual Islam pada zaman terawal, tetapi keagungannya semakin dilupakan akibat kemunculan begitu ramai saintis bangsa lain yang mengambil kesempatan daripada fikiran umat Islam yang semakin sempit.

"Ketika kita semakin tersingkir daripada sains, rakyat Eropah pula semakin menunjukkan minat dan akhirnya sebarang perkara yang membabitkan sains dan teknologi kini dikaitkan dan dimonopoli bangsa asing.

"Saya percaya umat Islam boleh membangunkan bidang ini dengan lebih mendalam. Saya berharap umat Islam hari ini akan mengukuhkan pengetahuan sains dalam usaha untuk mencatat kedudukan sama rata dengan rakan daripada bangsa lain," katanya.

Beliau berucap di majlis pelancaran Persidangan dan Pameran Sains serta Teknologi Islam Antarabangsa Langkawi (Listec '98) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Turut hadir, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Listec '98 akan diadakan di Pulau Langkawi pada Oktober ini dengan tema 'Sains dan Teknologi: Masyarakat Perdagangan Islam - Ke Arah Rangkaian Global dan Perkongsian'.

Perdana Menteri berkata, suatu masa dulu bangsa asing terutama di Barat langsung tidak dapat menerima kehadiran sains, malah golongan yang mempunyai pengetahuan dalam bidang itu terpaksa melakukan kajian secara sembunyi.

"Orang Eropah ketika itu percaya kepada tahyul dan menyingkirkan sains daripada agama. Saintis terpaksa melindungi sebarang pengetahuan sains dengan menyembunyikan buku dan temuan mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya, senario itu kini berubah, malah bangsa Eropah pula memiliki pengetahuan sains dan teknologi yang jauh lebih canggih berbanding umat Islam.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata, umat Islam tidak boleh mengasingkan agama dan sains atau menganggap bidang itu sebagai sekular, jika ingin maju setaraf bangsa lain.

Dr Mahathir berkata, dulu dunia Islam banyak melahirkan ahli sains, pakar perubatan, pakar kimia dan sebagainya, tetapi kebelakangan ini terdapat seperti ada pergerakan yang menentang pengembangan pengetahuan sains di kalangan umat Islam, malah ada umat Islam sendiri yang menentangnya.

"Saya berharap umat Islam dapat meluaskan pengetahuan dalam bidang ini, memajukan diri sehingga setaraf dengan mana-mana bangsa lain di dunia," katanya.

(END)